

Pusat tak akan aniaya rakyat Terengganu

UM 30 DEC 2001

KUALA LUMPUR 29 Dis. — Kerajaan Pusat tidak akan menganiaya rakyat Terengganu dengan menghentikan penyaluran wang ihsan hanya disebabkan fitnah yang ditaburkan oleh Pas.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, menabur fitnah dan memutar belit merupakan cara Pas untuk meraih sokongan rakyat.

Menurut beliau, parti pembangkang memang bijak memutarbelitkan segala usaha murni Kerajaan Pusat untuk membantu rakyat Terengganu.

"Kita tidak boleh menganiaya rakyat Terengganu kerana putar belit Pas. Kalau tidak bagi (wang ihsan), apa pula kata Pas.

"Tengoklah kerajaan Barisan Nasional (BN). Ada duit tak bagi kepada rakyat Terengganu dan Kelantan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas me-

rasmikan Perhimpunan Agung Parti Progressif Penduduk Malaysia (PPP) ke-48 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Beliau mengulas dakwaan wujudnya ceramah-ceramah politik anjuran Pas di Terengganu yang mengajak rakyat negeri itu terus mengundi parti pembangkang pada pilihan raya umum akan datang untuk mendapatkan bantuan wang ihsan daripada Kerajaan Pusat.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir menyifatkan tindakan Pas memutar belitkan isu wang ihsan merupakan contoh terbaik Pas melakukan pembohongan kepada rakyat.

"Ini adalah contoh terbaik Pas macam mana Pas boleh putar belit. Ahli putar belit," katanya.

Tindak-tanduk Pas itu, tegasnya, tidak menghairankan kerana pemimpin parti pembangkang tersebut sanggup mengatakan Tuhan mencarut semata-mata untuk membela

ahli seumur hidupnya, Datuk Shahnnon Ahmad beberapa tahun lalu.

"Agama pun dia boleh putar belit. Dia sanggup kata Tuhan mencarut kerana nak lepaskan Shahnnon," jelasnya.

Ditanya sama ada penyaluran wang ihsan itu diibaratkan sebagai 'senjata makan tuan', katanya, kerajaan akan terus menyalurkan bantuan itu kepada rakyat Terengganu walaupun terpaksa berhadapan dengan fitnah dan putar belit Pas.

"Ini cara Pas. Fitnah dan lemparkan macam-macam tuduhan palsu kepada BN. Jadi tak hairanlah kalau dia boleh putar belit macam tu. Undilah Pas supaya dapatkan wang ihsan," katanya.

Ditanya apakah Kerajaan Pusat akan menyalurkan wang ihsan jika BN kalah sekali lagi dalam pilihan raya umum akan datang di Terengganu pada 2004, kata beliau: "Tunggulah."